

22/11/1997

RTM disyor rombak rancangan

Roslan Ibrahim

RADIO Televisyen Malaysia (RTM) perlu merombak semula sistem rancangannya bagi meningkatkan kualiti siaran, sesuai dengan identitinya sebagai lidah penyiaran kerajaan.

Langkah itu bagi membolehkan RTM menjadi medium menyalur maklumat efektif untuk menangkis serangan media asing yang sering memberi gambaran tidak tepat mengenai negara ini.

Dekan Fakulti Komunikasi Massa, Institut Teknologi Mara (ITM), Dr Baharuddin Aziz, berkata sesetengah rancangan yang disiarkan gagal menyerlah imej RTM sebagai stesen penyiaran yang unggul di rantau ini dan antarabangsa.

Beliau berkata, TV1 misalnya gagal menonjolkan imej sebagai saluran nasional yang boleh diterima oleh semua kaum di negara ini, apatah lagi di peringkat antarabangsa.

"Sepatutnya TV1 dikhususkan kepada rancangan berbentuk dokumentari, perbincangan dan ilmiah, bukannya mencampur aduk dengan pelbagai rancangan lain seperti Hiburan Minggu Ini (HMI).

"Jika mahu menyiarkan rancangan berbentuk hiburan atau karaoke, RTM boleh memasukkan ke saluran TV2 supaya wujud identiti sendiri terhadap rancangan stesen penyiaran itu.

"Saya percaya jika perkara itu dapat dilakukan, penonton dapat mencari alternatif untuk mendapatkan rancangan bermutu terutama yang berkaitan dengan ilmu," katanya kepada Pusparia, di sini, hari ini.

Katanya, kegagalan RTM menyampaikan mesej ke peringkat antarabangsa disebabkan sikap stesen penyiaran itu sendiri yang terlalu mengejar keuntungan dan nilai komersil.

Menurutnya, dengan kemudahan satelit Measat, banyak rancangan RTM dapat diikuti di beberapa negara luar dan ia sepatutnya digunakan untuk menyampaikan maklumat lengkap mengenai Malaysia.

"Saya yakin jika RTM memainkan peranan sepatutnya dan mengubah imej daripada terlalu mementingkan komersil, stesen penyiaran itu boleh menjadi pemangkin penyampai maklumat ke seluruh dunia.

"Sepatutnya dalam kes jerebu misalnya, RTM boleh mengeluarkan dokumentari khas bagi memberi gambaran sebenar kepada masyarakat antarabangsa supaya tidak timbul kekeliruan," katanya.

Katanya, RTM tidak perlu terikut-ikut dengan rentak stesen televisyen swasta kerana sebagai media kerajaan, stesen berkenaan perlu memainkan peranan menyampaikan mesej pemerintah.

Dr Baharuddin berkata, dalam kemelut ekonomi, krisis yang berlaku di antara Amerika Syarikat-Malaysia dan kenyataan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir anti Yahudi, RTM boleh memberi gambaran yang tepat.

"Saya hairan kerana selepas 40 tahun kemerdekaan, RTM masih gagal berfungsi sebagai media rasmi kerajaan yang berkesan sebaliknya jauh tertinggal dalam pembangunan komunikasi," katanya.

Mengenai cadangan Kementerian Penerangan mahu membeli waktu siaran televisyen dan ruang akhbar di luar negara, katanya perkara itu baik tetapi jika RTM boleh memainkan peranan secara berkesan, cadangan itu tidak perlu.

"Kita boleh menjimatkan kos dengan mengeluarkan rancangan sendiri daripada membeli waktu siaran televisyen dan ruangan akhbar tetapi biarkan rancangan yang dikeluarkan itu bermutu," katanya.

(END)

